**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
# 04 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Utusan Malaysia** | |
| - Warga Asing ‘kuasai’ Flat Pandan Mewah | 55-56 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>04 OKTOBER 2018 (KHAMIS) | |
|---|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | Warga Asing 'kuasai' Flat Pandan Mewah |
| Muka Surat | 55-56 |



KHAMIS •04.10.2018

UTUSAN KOTA
*Lembah Klang, Negeri Sembilan, Melaka*

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

## Penduduk akur tandatangani perjanjian

PENDUDUK di Lot 626 dan 1416 Kampung Padang Jawa yang berdepan tindakan pengusiran dan perobohan rumah bersedia untuk menandatangani perjanjian penyelesaian dengan pihak pemaju.

» BERITA DI MUKA 57

# Warga asing 'kuasai' Flat Pandan Mewah

um m/s 55/56
4/10/2018

Isu Rakyat

ISU lambakan warga asing memonopoli sesebuah kawasan bukan sesuatu yang baharu.

Jika keadaan ini berterusan, ia boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif daripada aspek sosial dan ekonomi .

Oleh itu, pihak berwajib yang bertanggungjawab perlu memainkan peranan bagi menangani kemasukan warga asing ke Malaysia yang semakin tidak terkawal ini.

Kebimbangan mengenai isu sama turut disuarakan penduduk Flat Pandan Mewah, Ampang Jaya, Selangor, lapor **ZULFADLI SHARIFUDIN**

MUKA 56

UTUSAN MALAYSIA • KHAMIS 04 OKTOBER 2018



LONGGOKAN sampah menjejaskan persekitaran kawasan perumahan Flat Pandan Mewah, Ampang Jaya, Selangor. - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR



SEBUAH kedai runcit di Flat Pandan Mewah, Ampang Jaya yang didakwa diuruskan warga asing.

UM
m/s 56
4/10/2018

# Penduduk mahu isu ditangani segera

Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN**
kota@utusangroup.com.my

■ **AMPANG JAYA 3 OKT.**

PENDUDUK Flat Pandan Mewah, dekat sini, mahu tindakan sewajarnya diambil pihak berkuasa bagi menangani kebanjiran warga asing di kawasan berkenaan.

Ini kerana ia didakwa mengundang pelbagai masalah kepada mereka sejak perumahan bertingkat itu disewakan kepada warga asing sejak dua tahun lalu.

Selain isu kebersihan, kebanjiran warga asing itu turut didakwa penyebab kepada masalah jenayah seperti pergaduhan, samun dan pecah rumah.

Mereka berlagak lebih daripada rakyat tempatan apabila turut bebas membuka perniagaan sendiri seperti kedai runcit dan restoran.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke pangsapuri 12 blok itu semalam mendapati, aduan penduduk berasas apabila persekitaran di situ tidak ubah seperti penempatan warga asing.

Kelibat mereka yang terdiri daripada warga Bangladesh, Myanmar, Indonesia dan Filipina boleh dilihat di mana-mana.

Berdasarkan pemerhatian terdapat lebih 20 kedai runcit dan restoran di kawasan perumahan di situ diuruskan warga asing.

*Utusan Malaysia* difahamkan kesemua unit kediaman di situ disewa oleh rakyat tempatan kepada warga asing dengan kadar berganda berbanding sewa asal.



AZMI SULAIMAN



NG MUN KHOON



SEBAHAGIAN penduduk Flat Pandan Mewah berkumpul bagi merayu pihak berkuasa mencari jalan penyelesaian isu kebanjiran warga asing di perumahan mereka.

Seorang penduduk, **Azmi Sulaiman** berkata, tindakan berani mereka membuka perniagaan menimbulkan tanda tanya apakah perkara itu dalam pengetahuan pihak berkuasa tempatan atau sebaliknya.

Menurutnya, penduduk berasa seperti tinggal di tempat asing apabila hampir 60 peratus operasi perniagaan di kuasai warga asing.

"Lebih menimbulkan persoalan, bagaimana mereka boleh membuka pasar pagi dan pasar karat pada sebelah malam di kawasan perumahan itu.

"Tindakan sewajarnya perlu diambil pihak berkuasa terutama Jabatan Imigresen dalam menangani isu ini.

> Lebih menimbulkan persoalan, bagaimana mereka boleh membuka pasar pagi dan pasar karat pada sebelah malam di kawasan perumahan itu
>
> AZMI SULAIMAN

"Sampai bila penduduk tempatan mahu hidup dalam keadaan tidak selesa dan tidak selamat," katanya.

Dalam masa sama, penduduk turut membangkitkan tindakan Badan Pengurusan Bersama (JMB) perumahan itu yang mengenakan caj sewa petak parkir kepada penduduk dan penyewa.

Pemilik bengkel **Ng Mun Khoon** berkata, bermula awal tahun ini caj yang dikenakan adalah sebanyak RM30 kepada pemilik rumah dan RM50 untuk penyewa.

"Kami merayu pihak JMB mempertimbangkan semula tindakan mengenakan caj parkir di kawasan perumahan ini kerana ia amat membebankan," ujarnya.

## REAKSI



"KELIBAT warga asing boleh dilihat di mana-mana terutama di kaki-kaki lima dan pekarangan tempat letak kereta pangsapuri. Kami terpaksa mengehadkan aktiviti anak-anak di luar rumah kerana bimbangkan keselamatan mereka."

**ZURINI DAUD**
**Suri rumah**



"PIHAK berwajib perlu mengambil tindakan tegas terhadap warga asing di sini kerana ada tindakan mereka yang jelas bertentangan dengan budaya masyarakat seperti membuang sampah sesuka hati dan membuat bising pada lewat malam."

**AHMAD FAUZI SUKIT**
**Tukang jahit**



"ISU ini bukanlah baru dan telah disuarakan berkali-kali kepada pihak Majlis Perbandaran Ampang Jaya, namun tiada sebarang tindakan diambil sehingga ke hari ini."

**SERI SALMIAH ABDUL RAHMAN**
**Pembantu am**